



UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM ACT
(Chapter 157)

UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM (LANGUAGE CENTRE)
STATUTE, 2001

ARRANGEMENT OF CLAUSES

Clause

1. Citation.
2. Interpretation.
3. Establishment of Centre.
4. Objectives.
5. Board of Centre.
6. Functions of Board.
7. Meetings of Board.
8. Committee on Standards.
9. Functions of Committee on Standards.
10. Meetings of Committee.
11. Director of Centre.
12. Duties of Director.
13. Deputy Director of Centre.
14. Director as ex-officio member of the Senate and Principal officer.
15. Appointment of language co-ordinators.



UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM ACT
(Chapter 157)

UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM (LANGUAGE CENTRE)
STATUTE, 2001

In exercise of the power conferred by section 26 of the Constitution of Universiti Brunei Darussalam, the Chancellor of Universiti Brunei Darussalam hereby makes the following Statute —

Citation.

1. This Statute may be cited as the Universiti Brunei Darussalam (Language Centre) Statute, 2001.

Interpretation.

2. In this Statute, unless the context otherwise requires ---

“Board” means the Board of the Centre established by clause 5;

“Centre” means the Language Centre established by this Statute;

“Constitution” means the Constitution of the University.

Establishment of Centre.

3. The Language Centre is hereby established as an institution of the University under section 18(1) of the Constitution.

Objectives.

4. The objectives of the Centre shall be —

- (a) to organise courses in languages and language-learning, with particular emphasis on Bahasa Melayu, English, Arabic, and the languages of member countries of the Association of South-East Asian Nations (ASEAN);
- (b) to provide facilities for the teaching, learning and research in languages, with particular emphasis on Bahasa Melayu, English, Arabic, and the languages of the ASEAN countries;
- (c) to provide translation services in the languages taught by the Centre;
- (d) to provide facilities for discussion and the conduct of seminars on language teaching and learning and research in the languages taught by the Centre;
- (e) to develop human and material resources in the areas of language teaching and language testing through excellence in the integration of teaching, research and service to the University and the community at large; and
- (f) to perform such other related functions as the Senate may approve.

Board of Centre.

5. There shall be a Board of the Centre which shall consist of —

- (a) the Vice-Chancellor, as the Chairman;
- (b) the Director of the Centre, as secretary;
- (c) the Deans of the Faculties and Institutes of the University or their respective representatives;
- (d) the Director of the Academy of Brunei Studies or his representative;
- (e) the professor of any language taught in the University, if appointed;
- (f) the Registrar and Secretary or his representative; and
- (g) any other persons, by name or by office, as may be appointed by the Senate to hold office for such period as the Senate may determine.

6. The Board shall be responsible to the Senate and shall —
- (a) advise the Senate and the Council, through the Senate, on policies pertaining to the teaching and learning of languages in the University and research in the languages taught by the Centre;
 - (b) recommend to the Council, through the Senate, the annual estimates of income and expenditure of the Centre;
 - (c) make recommendations to the Council, through the Senate, on the staffing needs of the Centre;
 - (d) organise such language and language learning programmes or courses as the Senate may approve;
 - (e) consider and decide on matters pertaining to the management and operation of the Centre and to make appropriate recommendations on related matters to the Senate or to the Council, through the Senate;
 - (f) advise the Senate on matters pertaining to the objects of the Centre and on any other related matters as may be referred to the Board by the Senate;
 - (g) prepare an annual report on the activities of the Centre and to submit the same to the Senate and the Council, through the Senate;
 - (h) determine the fees and other charges to be imposed for the use of the facilities and services provided by the Centre; and
 - (i) exercise such other powers and functions as may be delegated to the Board by the Senate, with the approval of the Council (where required).

Meetings of Board.

7. (1) In the absence or incapacity of the Vice-Chancellor, the Vice-Chancellor may appoint an Assistant Vice-Chancellor to represent him to preside at any meeting of the Board.
- (2) The Board shall meet at least twice in every semester.

(3) The Chairman of the Board shall determine the date, time, place, and the agenda of meetings of the Board. Meetings of the Board shall be summoned by the secretary of the Board.

(4) In the absence of the Chairman from any part of the meeting of the Board, the members present at the meeting shall elect one from among themselves to preside over that part of the meeting unless the Vice-Chancellor names one of the Assistant Vice-Chancellors to stand in for him as the Chairman for that part of the meeting.

(5) The quorum for any meeting of the Board shall be one-half of the total membership on the date of the meeting.

(6) The minutes of meetings of the Board shall be forwarded to the Senate.

Committee on Standards.

8. (1) There shall be a Committee on Standards which shall consist of—
- (a) the Director of the Centre, as the Chairman;
 - (b) the Deputy Director of the Centre;
 - (c) one representative from each of the following —
 - (i) the Department of English Language and Applied Linguistics, Faculty of Arts and Social Sciences;
 - (ii) the Department of Malay Language and Linguistics, Faculty of Arts and Social Sciences;
 - (iii) the Department of Arabic language, Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Institute of Islamic Studies;
 - (iv) the Department of Language Education, Sultan Hassanal Bolkiah Institute of Education;
 - (v) any other Department in the University which teaches a language;
 - (d) the full-time teaching staff of the Centre of the grade of lecturer and above;

- (e) one representative from each of the following —
 - (i) the Public Service Department;
 - (ii) the Dewan Bahasa dan Pustaka; and
 - (iii) any other organisation as may be specified by the Senate.

(2) The Assistant Registrar or administrative officer assigned to the Centre shall be the secretary to the Committee.

(3) The members appointed under sub-clauses (1)(c) and (1)(e) of this clause shall, if qualified, hold office for 2 years at a time, but shall be eligible for re-appointment.

Functions of Committee on Standards.

9. The Committee shall be responsible to the Board and shall —

- (a) recommend standards for the different levels of language courses taught by the Centre;
- (b) formulate the curricula and the programmes needed to achieve the standards set;
- (c) advise on the equivalence of the levels between the different languages taught by the Centre;
- (d) bring to the attention of the Board any matters pertaining to any of the courses taught by the Centre; and
- (e) advise on any related matters as may be referred to it by the Board.

Meetings of Committee.

10. (1) In the absence or incapacity of the Director, the Deputy Director shall preside at any meeting of the Committee.

(2) The Committee shall meet at least once in every semester.

(3) The quorum for any meeting of the Committee shall be one-half of the total membership on the date of the meeting.

(4) The minutes of meetings of the Committee shall be forwarded to the Board.

Director of Centre.

11. There shall be a Director of the Centre who shall be responsible to the Vice-Chancellor and appointed from among the full-time staff of the University under section 19 of the Constitution.

Duties of Director.

12. The duties of the Director shall be *inter alia* —

- (a) to administer the Centre and ensure the proper management, operation and use of the Centre in accordance with the policies laid down by the Board, the Senate and the Council;
- (b) to interpret and transmit policies to the staff of the Centre;
- (c) to submit periodic reports to the Board concerning the activities of the Centre and its financial position;
- (d) to prepare the annual estimates of income and expenditure of the Centre and to submit them for consideration of the Board and transmit them to the Council, through the Standing Finance Committee of the University;
- (e) to prepare the draft annual report of the Centre for submission to the Board;
- (f) to act as secretary of the Board; and
- (g) to carry out such other duties as may be determined by the Vice-Chancellor or the Board.

Deputy Director of Centre.

§

13. The Vice-Chancellor may, if necessary, appoint one or more than one Deputy Director from among the full-time staff of the University under section 19 of the Constitution. The Deputy Director or Deputy Directors shall be responsible to the Director and shall carry out such duties of the Director as may be delegated by the Director, except for the duties as secretary of the Board.

Director as ex-officio member of Senate and Principal officer.


14. The Director shall be an ex-officio member of the Senate and a Principal officer of the University.

Appointment of language co-ordinators.

15. The Vice-Chancellor may, at his discretion, appoint a staff member of the Language Centre or any Faculty or institution of the University as a co-ordinator to help co-ordinate the teaching of any language taught in the Centre.

Made this Wednesday day of 30 Zulkaedah 1422 Hijriah corresponding to the
13 day of February 2002.


CHANCELLOR,
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM.



**AKTA UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM
(Penggal 157)**

**STATUT UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM
(PUSAT BAHASA), 2001**

SUSUNAN FASAL-FASAL

Fasal

1. Gelaran.
2. Tafsiran.
3. Penubuhan Pusat.
4. Tujuan.
5. Lembaga Pusat.
6. Tugas-tugas Lembaga.
7. Mesyuarat Lembaga.
8. Jawatankuasa mengenai Standard.
9. Tugas-tugas Jawatankuasa mengenai Standard.
10. Mesyuarat Jawatankuasa.
11. Pengarah Pusat.
12. Kewajipan-kewajipan Pengarah.
13. Timbalan Pengarah Pusat.
14. Pengarah sebagai ahli Senat kerana jawatan dan pegawai Utama.
15. Lantikan penyelaras bahasa.



**AKTA UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM
(Penggal 157)**

**STATUT UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM
(PUSAT BAHASA), 2001**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 26 dari Perlembagaan Universiti Brunei Darussalam, maka Canselor Universiti Brunei Darussalam dengan ini membuat Statut yang berikut —

Gelaran.

1. Statut ini boleh digelar sebagai Statut Universiti Brunei Darussalam (Pusat Bahasa), 2001.

Tafsiran.

2. Dalam Statut ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

“Lembaga” bermakna Lembaga Pusat yang ditubuhkan menurut fasil 5:

“Perlembagaan” bermakna Perlembagaan Universiti;

“Pusat” bermakna Pusat Bahasa yang ditubuhkan menurut Statut ini.

Penubuhan Pusat.

3. Pusat Bahasa adalah dengan ini ditubuhkan sebagai sebuah institusi Universiti di bawah bab 18(1) dari Perlembagaan.

Tujuan.

4. Tujuan-tujuan Pusat adalah —

- (a) untuk menganjurkan kursus-kursus bahasa dan pembelajaran bahasa, dengan penekanan khusus kepada Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Arab, dan bahasa negara-negara anggota Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN);
- (b) untuk memberi kemudahan bagi pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan bahasa, dengan penekanan khusus kepada Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Arab, dan bahasa negara-negara ASEAN;
- (c) untuk memberi perkhidmatan terjemahan dalam bahasa-bahasa yang diajarkan oleh Pusat;
- (d) untuk memberi kemudahan bagi perbincangan dan pengendalian seminar mengenai pengajaran dan pembelajaran bahasa dan penyelidikan dalam bahasa-bahasa yang diajarkan oleh Pusat;
- (e) untuk membangunkan sumber tenaga manusia dan bahan dalam bidang pengajaran bahasa dan pengujian bahasa melalui kecemerlangan dengan menyepadukan pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan kepada Universiti dan masyarakat pada amnya; dan
- (f) untuk melaksanakan tugas-tugas lain yang berkaitan sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Senat.

Lembaga Pusat.

5. Hendaklah ada Lembaga Pusat yang terdiri daripada —

- (a) Naib Canselor, sebagai Pengerusi;
- (b) Pengarah Pusat, sebagai setiausaha;
- (c) Dekan-Dekan Fakulti dan Institut Universiti atau wakil-wakil mereka masing-masing;
- (d) Pengarah Akademi Pengajian Brunei atau wakilnya;
- (e) profesor mana-mana bahasa yang diajarkan di Universiti, jika dilantik;
- (f) Pendaftar dan Setiausaha atau wakilnya; dan

- (g) mana-mana orang lain, atas nama atau atas jawatan, sebagaimana yang mungkin dilantik oleh Senat untuk memegang jawatan selama suatu tempoh sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Senat.

Tugas-tugas Lembaga.

6. Lembaga hendaklah bertanggungjawab kepada Senat dan hendaklah —
- (a) menasihati Senat dan Majlis, melalui Senat, mengenai dasar-dasar yang berhubung dengan pengajaran dan pembelajaran bahasa di Universiti dan penyelidikan dalam bahasa-bahasa yang diajarkan oleh Pusat;
 - (b) mengesyorkan kepada Majlis, melalui Senat, anggaran pendapatan dan perbelanjaan tahunan Pusat;
 - (c) membuat syor kepada Majlis, melalui Senat, mengenai keperluan kakitangan Pusat;
 - (d) menganjurkan program-program atau kursus-kursus bahasa dan pembelajaran bahasa sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Senat;
 - (e) menimbangkan dan memutuskan mengenai perkara-perkara yang berhubung dengan pengurusan dan pengendalian Pusat dan untuk membuat syor yang bersesuaian mengenai perkara-perkara yang berkaitan kepada Senat atau Majlis, melalui Senat;
 - (f) menasihati Senat mengenai perkara-perkara yang berhubung dengan tujuan-tujuan Pusat dan mengenai sebarang perkara lain yang berkaitan yang mungkin dirujukkan kepada Lembaga oleh Senat;
 - (g) menyediakan suatu laporan tahunan mengenai kegiatan-kegiatan Pusat dan mengemukakannya kepada Senat dan Majlis, melalui Senat;
 - (h) menentukan fee dan bayaran lain yang akan dikenakan kerana menggunakan kemudahan dan perkhidmatan yang diberikan oleh Pusat; dan
 - (i) menjalankan kuasa-kuasa dan tugas-tugas lain sebagaimana yang mungkin diwakilkan kepada Lembaga oleh Senat, dengan kebenaran Majlis (jika dikehendaki).

Mesyuarat Lembaga.

7. (1) Semasa ketiadaan atau ketakupayaan Naib Canselor, Naib Canselor boleh melantik seorang Penolong Naib Canselor untuk mewakilinya bagi mempengerusikan sebarang mesyuarat Lembaga.

(2) Lembaga hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya dua kali dalam setiap semester.

(3) Penggerusi Lembaga hendaklah menentukan tarikh, masa, tempat, dan agenda mesyuarat Lembaga. Setiausaha Lembaga hendaklah memanggil mesyuarat Lembaga.

(4) Semasa ketiadaan Penggerusi dalam mana-mana bahagian mesyuarat Lembaga, ahli-ahli yang hadir dalam mesyuarat tersebut hendaklah memilih seorang daripada kalangan mereka sendiri untuk mempengerusikan bahagian mesyuarat tersebut melainkan jika Naib Canselor menamakan salah seorang Penolong Naib Canselor untuk menggantikannya sebagai Penggerusi bagi bahagian mesyuarat tersebut.

(5) Korum bagi sebarang mesyuarat Lembaga hendaklah separuh daripada jumlah ahli pada tarikh mesyuarat tersebut.

(6) Minit mesyuarat Lembaga hendaklah dikemukakan kepada Senat.

Jawatankuasa mengenai Standard.

8. (1) Hendaklah ada suatu Jawatankuasa mengenai Standard yang terdiri daripada —

- (a) Pengarah Pusat, sebagai Penggerusi;
- (b) Timbalan Pengarah Pusat;
- (c) seorang wakil daripada setiap Jabatan yang berikut —
 - (i) Jabatan Bahasa Inggeris dan Linguistik Terapan, Fakulti Sastera dan Sains Kemasyarakatan;

- (ii) Jabatan Bahasa Melayu dan Linguistik, Fakulti Sastera dan Sains Kemasyarakatan;
 - (iii) Jabatan Bahasa Arab, Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien;
 - (iv) Jabatan Pendidikan Bahasa, Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah;
 - (v) mana-mana Jabatan lain di Universiti yang mengajar suatu bahasa;
- (d) tenaga pengajar sepenuh masa Pusat dari peringkat pensyarah ke atas;
 - (e) seorang wakil daripada tiap-tiap yang berikut —
 - (i) Jabatan Perkhidmatan Awam;
 - (ii) Dewan Bahasa dan Pustaka; dan
 - (iii) mana-mana pertubuhan lain sebagaimana yang mungkin dinyatakan oleh Senat.

(2) Penolong Pendaftar atau pegawai pentadbir yang ditugaskan di Pusat hendaklah menjadi setiausaha Jawatankuasa tersebut.

(3) Ahli-ahli yang dilantik di bawah fasal-fasal kecil (1)(c) dan (1)(e) fasal ini hendaklah, jika layak, memegang jawatan selama 2 tahun pada satu masa, tetapi adalah layak untuk dilantik semula.

Tugas-tugas Jawatankuasa mengenai Standard.

9. Jawatankuasa tersebut hendaklah bertanggungjawab kepada Lembaga dan hendaklah —

- (a) mengesyorkan standard untuk peringkat-peringkat yang berlainan bagi kursus-kursus bahasa yang diajarkan oleh Pusat;
- (b) merumuskan kurikulum dan program yang diperlukan untuk mencapai standard yang ditetapkan;
- (c) menasihati mengenai kesetaraan peringkat di antara bahasa-bahasa berlainan yang diajarkan oleh Pusat;

- (d) membawa ke perhatian Lembaga sebarang perkara yang berhubung dengan sebarang kursus yang diajarkan oleh Pusat; dan
- (e) menasihati mengenai sebarang perkara yang berkaitan yang mungkin dirujukkan kepadanya oleh Lembaga.

Mesyuarat Jawatankuasa.

10. (1) Semasa ketidaan atau ketakupayaan Pengarah, Timbalan Pengarah hendaklah mempengerusikan sebarang mesyuarat Jawatankuasa tersebut.
- (2) Jawatankuasa tersebut hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam setiap semester.
- (3) Korum bagi sebarang mesyuarat Jawatankuasa tersebut hendaklah separuh daripada jumlah ahli pada tarikh mesyuarat itu.
- (4) Minit mesyuarat Jawatankuasa tersebut hendaklah dikemukakan kepada Lembaga.

Pengarah Pusat.

11. Hendaklah ada seorang Pengarah Pusat yang akan bertanggungjawab kepada Naib Canselor dan dilantik daripada kalangan kakitangan sepenuh masa Universiti di bawah bab 19 dari Perlembagaan.

Kewajipan-kewajipan Pengarah.

12. Kewajipan-kewajipan Pengarah adalah antara lain —
- (a) untuk mentadbir Pusat dan memastikan supaya Pusat diurus, dikendalikan dan digunakan dengan betul menurut dasar-dasar yang telah ditetapkan oleh Lembaga, Senat dan Majlis;
 - (b) untuk menterjemahkan dan menyampaikan dasar-dasar kepada kakitangan Pusat;
 - (c) untuk mengemukakan laporan berkala kepada Lembaga mengenai kegiatan-kegiatan Pusat dan kedudukan kewangannya;

- (d) untuk menyediakan anggaran pendapatan dan perbelanjaan tahunan Pusat dan mengemukakannya untuk pertimbangan Lembaga dan menghantarnya kepada Majlis, melalui Jawatankuasa Tetap Kewangan Universiti;
- (e) untuk menyediakan draf laporan tahunan Pusat untuk dikemukakan kepada Lembaga;
- (f) untuk bertindak sebagai setiausaha Lembaga; dan
- (g) untuk menjalankan kewajipan-kewajipan lain sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Naib Canselor atau Lembaga.

Timbalan Pengarah Pusat.

13. Naib Canselor boleh, jika perlu, melantik seorang atau lebih dari seorang Timbalan Pengarah daripada kalangan kakitangan sepenuh masa Universiti di bawah bab 19 dari Perlembagaan. Timbalan Pengarah atau Timbalan-Timbalan Pengarah hendaklah bertanggungjawab kepada Pengarah dan hendaklah menjalankan kewajipan-kewajipan Pengarah sebagaimana yang mungkin diwakilkan oleh Pengarah, kecuali kewajipan-kewajipan sebagai setiausaha Lembaga.

Pengarah sebagai ahli Senat kerana jawatan dan pegawai Utama.

14. Pengarah hendaklah seorang ahli Senat kerana jawatan dan seorang pegawai Utama Universiti.

Lantikan penyelaras bahasa.

15. Naib Canselor boleh, atas budi bicaranya, melantik seorang kakitangan akademik Pusat Bahasa atau mana-mana Fakulti atau institusi Universiti sebagai penyelaras untuk membantu dalam menyelaras pengajaran mana-mana bahasa yang diajarkan di Pusat.

Diperbuat pada hari ini Rabu haribulan 30 Zulkaedah Tahun Hijrah 1422
bersamaan dengan 13 haribulan Februari 2002.



CANSELOR,
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM.